



LOKMAN HAKIM

Tarik minat anak muda sertai dunia veterinar

PEGAWAI veterinar memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan negara terjamin.

Ini melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aspek kesihatan haiwan, keselamatan makanan, dan amalan pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali berharap kerajaan akan mewujudkan insentif bagi menarik lebih ramai anak muda menyertai bidang tersebut.

Katanya lagi, ia juga bertujuan bagi mengekalkan bakat dalam bidang tersebut supaya mereka terus berkhidmat di negara ini.

"Kita perlu dapatkan kerjasama kukuh di peringkat kementerian termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi serta universiti tempatan dan swasta.

"Kita juga perlu beri pakej insentif setara dengan pegawai perubatan bagi meningkatkan penyertaan dalam industri veterinar," katanya.

Sebagai rekod, Malaysia dianggarkan memerlukan lebih 6,400 pegawai veterinar di seluruh negara, namun buat masa ini hanya ada 2,236 pegawai veterinar.

Menurut Lokman Hakim, Universiti Putra Malaysia hanya mengeluarkan 140 hingga 150 graduan veterinar, manakala Universiti Malaysia Kelantan pula menghasilkan sekitar 40 veterinar setiap tahun.

"Peranan veterinar amat kritikal dalam mengenal pasti dan mengawal risiko penyakit, menjalankan penyelidikan dan pembangunan baka baharu.

"Mereka juga bertanggungjawab memeriksa dan memantau haiwan serta produk seperti daging, susu, dan telur."

"Ia bagi memastikan setiap produk daging yang kita makan adalah selamat, bersih, berkualiti, dan halal," katanya.